

## KRITERIA DAN PANDUAN PERMOHONAN

### ANUGERAH TOKOH AKADEMIK 2023

#### 1.0 LATAR BELAKANG

Anugerah Tokoh Akademik merupakan anugerah tertinggi universiti kepada pensyarah. Ia diwujudkan oleh UTM bagi memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada pensyarah yang telah menunjukkan kecemerlangan serta memberi sumbangan besar terhadap pembangunan dan peningkatan pendidikan di universiti ini. Anugerah ini dahulunya dikenali dengan nama Anugerah Tokoh Pendidik, tetapi mulai tahun 2010 ia diberi penjenamaan semula dengan nama Anugerah Tokoh Akademik. Penjenamaan semula ini adalah sejajar dengan usaha yang dilakukan oleh Kementerian Pengajaman Tinggi yang telah memperkenalkan Anugerah Tokoh Akademik Negara.

#### 2.0 KONSEP

Anugerah Tokoh Akademik merupakan anugerah tahunan berprestij tinggi dan diberikan kepada pensyarah berdasarkan kecemerlangan dan pengiktirafan yang telah diperolehi.

#### 3.0 TUJUAN

Anugerah Tokoh Akademik ini bertujuan memberi pengiktirafan universiti yang tertinggi bagi pensyarah. Ia akan menjadi satu pelantar bagi mengiktiraf serta menyanjung para pensyarah yang telah menaikkan serta mengharumkan nama universiti di persada kebangsaan dan antarabangsa.

#### 4.0 ASAS ANUGERAH

Anugerah Tokoh Akademik ini diberikan kepada seorang pensyarah yang komited, terlibat secara menyeluruh dan berterusan dalam proses penemuan ilmu, penjanaan kekayaan negara dan memenuhi aspirasi universiti sebagai jentera pembangunan Negara dan dunia ke arah meningkatkan kualiti kehidupan manusia sejagat.

#### 5.0 KAEADAH PENCALONAN

- i. Dicalonkan oleh Jawatankuasa Pemilih Anugerah Tokoh Akademik UTM ; atau
- ii. Dicalonkan oleh Sekolah / Fakulti / PTJ ; atau
- iii. Pencalonan diri sendiri melalui sokongan Sekolah / Fakulti / PTJ

## 6.0 KRITERIA PEMOHON

Anugerah akan dipertimbangkan bagi calon yang telah:

- (a) Menerajui secara **holistik** bidang pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan inovasi, perkhidmatan dan pentadbiran akademik.
- (b) Berkhidmat sebagai pensyarah di universiti selama sekurang-kurangnya **15 tahun** dalam kerjaya akademik.
- (c) Menerima **anugerah atau pengiktirafan ketokohan** daripada universiti, badan profesional dan ilmiah yang berprestij pada peringkat universiti, kebangsaan atau antarabangsa.
- (d) Mendapat anugerah atau pengiktirafan bagi sumbangannya selama **10 tahun** kebelakangan dan tahun yang dinilai.
- (e) Membawa impak **secara langsung atau tidak langsung** kepada universiti dan masyarakat melalui aktiviti akademik dan perkhidmatan yang telah dijalankan.
- (f) Menunjukkan **kecemerlangan secara berterusan** dalam bidang akademik yang diterajui.

## 7.0 JENIS ANUGERAH/PENGIKTIRAFAN YANG DIPERTIMBANGKAN UNTUK PERMOHONAN ANUGERAH

- (a) Anugerah/pengiktirafan akademik yang diiktiraf di peringkat universiti, kebangsaan atau antarabangsa.
- (b) Penerimaan anugerah mestilah mengambil kira sumbangan dan impak calon dalam bidang akademik seperti yang tertera pada asas anugerah.
- (c) Dalam kes Zamalah, ia mestilah diperolehi berasaskan undangan, bukan permohonan.

## 8.0 KRITERIA PEMILIHAN ANUGERAH

Dalam penilaian untuk penganugerahan, sumbangan kumulatif calon berdasarkan kecemerlangan serta anugerah dan pengiktirafan yang diterima sepanjang dan selepas kerjaya akademik akan diambil kira. Huraian ringkas mengenai kriteria pemilihan adalah seperti berikut:-

### (a) Kelayakan, Keahlian dan Kepakaran (10%)

- i. Kelayakan akademik
- ii. Bidang kepakaran
- iii. Keahlian dalam badan professional
- iv. Keahlian dalam Jawatankuasa Profesional
- v. Ahli, Lembaga Penasihat/ Lembaga Pengarah di Peringkat Kebangsaan/ Antarabangsa
- vi. Ijazah Kehormat
- vii. Keahlian dalam persatuan/pertubuhan di peringkat kebangsaan atau antarabangsa

viii. Jemputan/undangan (bukan permohonan) untuk menganggotai mana-mana badan/pertubuhan/persatuan kecemerlangan di peringkat kebangsaan atau antarabangsa.

**(b) Kecemerlangan Fungsian Sebagai Ahli Akademik (90%)**

i. **Pelaksanaan Fungsi Pengajaran dan Pembelajaran (35%)**

• **Pengajaran (25%)**

Pensyarah menunjangi tradisi ilmu: memahami, menghayati, mengamal dan menyebar untuk kesejahteraan manusia sejagat. Dalam melaksanakan tugas pengajaran dan pembelajaran calon hendaklah membuktikan yang beliau telah:

- a. Menunjukkan kemahiran profesional yang tinggi, penuh dedikasi dan iltizam serta tanggungjawab menggunakan teknologi terkini bagi memastikan pengajaran-pembelajaran, dan bimbingan mampu melahirkan pelajar yang berilmu dan berkemahiran selari dengan kriteria kualiti akademik yang ditetapkan,
- b. Menghayati nilai-nilai murni yang mencerminkan peribadi mulia sebagai pendidik agar menjadi teladan dan inspirasi kepada pelajar dalam pembentukan sikap, akhlak, pemikiran serta prinsip hidup mereka.
- c. Menunjukkan daya usaha yang tinggi berasaskan rasa ingin tahu yang tinggi, intelek, kebijaksanaan serta objektiviti bagi memastikan martabat ilmu dapat dipertahankan
- d. Mematuhi masa dan menggunakan secara cekap dan berkesan dalam proses pengajaran-pembelajaran berkualiti.
- e. Berusaha secara berterusan untuk pembangunan diri dan kerjaya.
- f. Anugerah/pengiktirafan pengajaran dan pembelajaran pencapaian yang memenuhi aspirasi negara dan global
- g. Insan cemerlang yang dididik

• **Pembangunan pelajar (10%)**

Di samping menyumbang ke arah pencapaian cemerlang akademik pelajar, staf akademik juga berperanan untuk membangunkan sahsiah dan penampilan diri mereka. Pembangunan pelajar hendaklah menyeluruh dan bersepada meliputi aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek bagi melahirkan pelajar cemerlang. Staf akademik berkewajipan menjadi penasihat dan pembimbing untuk membangunkan pelajar supaya mempunyai ciri-ciri kepimpinan, pemikiran yang positif, minda yang sihat dan sahsiah yang mulia. Bagi menyempurnakan tujuan ini, calon hendaklah membuktikan yang beliau telah:

- a. Memberi khidmat nasihat, bimbingan, dan tunjuk ajar dengan amanah dan ikhlas bagi membantu ke arah pembangunan pelajar secara menyeluruh,
- b. Sentiasa peka terhadap permasalahan di kalangan pelajar dan berusaha membantu mencari penyelesaian serta sentiasa menjaga sensitiviti masyarakat dan negara,
- c. Berakhhlak mulia dan terpuji untuk dicontohi oleh pelajar.

ii. **Pelaksanaan fungsi Penyelidikan, Inovasi dan Perundingan (30%)**

Penyelidikan sebagai kegiatan penemuan maklumat dan penghasilan reka cipta yang memberi jawapan kepada persoalan, masalah dan hipotesis merupakan fungsi ilmiah staf akademik yang menyumbang kepada peningkatan ilmu pengetahuan. Dalam melaksanakan fungsi ini calon hendaklah membuktikan yang beliau telah :-

- a. Menjalankan kegiatan penyelidikan berterusan sepanjang kerjaya akademiknya dengan mengutamakan bidang pengkhususan dan kepakarannya,
- b. Menghayati etika kesarjanaan dan kejujuran akademik dengan mematuhi prosedur penyelidikan dalam pengumpulan data, penulisan laporan, dapatan kajian, dan penafsiran ilmiah,
- c. Amanah dan bertanggungjawab dalam penggunaan sumber penyelidikan.
- d. Anugerah/pengiktirafan penemuan ilmu, penjanaan nilai untuk negara dan pencapaian yang meningkatkan kualiti kehidupan manusia sejagat;
- e. Insan cemerlang yang dididik
- f. Penerbitan :
  - i. Makalah dalam Jurnal
  - ii. Bab dalam Buku
  - iii. Ucaptama
  - iv. Artikel dalam media masa
- g. Senarai Projek Penyelidikan Utama;
- h. Senarai Harta Intelek dan Pengkomersialan;
- i. Senarai Perundingan;
- j. Senarai Insan Cemerlang Yang Dididik
- k. Penyelidikan Transnasional: Projek komuniti yang dapat menjana pertumbuhan sosioekonomi

iii. **Pelaksanaan Fungsi Perkhidmatan (10%)**

• **Khidmat Masyarakat**

Bagi melaksanakan tanggungjawab sosial dan profesional, staf akademik digalakkan memberi sumbangan perkhidmatan dalam bidang kepakaran masing-masing untuk kemajuan universiti, masyarakat, dan negara. Bagi

menyempurnakan tujuan ini calon hendaklah membuktikan yang beliau telah:

- a. Memastikan perkhidmatan yang diberi sebagai sumbangan berdasarkan niat yang ikhlas yang dapat menyumbang ke arah pembangunan masyarakat dan berupaya menyelesaikan masalah sosial,
- b. Melaksanakan perkhidmatan sukarela ini dengan penuh kesungguhan.
- c. Keahlian dalam persatuan/pertubuhan di peringkat kebangsaan atau antarabangsa;
- d. Penglibatan dalam NGO/Persatuan/Pertubuhan Komuniti;
- e. Komuniti yang memperoleh manfaat

iv. **Pelaksanaan Fungsi Pengurusan dan Pentadbiran (15%)**

Semua staf akademik mempunyai fungsi pengurusan bagi melengkap dan memantapkan pelaksanaan tugas dan tanggungjawabnya. Oleh itu calon hendaklah membuktikan yang beliau telah:-

- a. Senaraikan jawatan pentadbir akademik yang pernah dipegang serta tempoh lantikan
- b. Nyatakan pencapaian dan penambahbaikan yang paling signifikan (maksimum lima) semasa menjadi pentadbir akademik

**(c) Sumbangan dan Impak**

Perihalkan kesohoran anda dalam bidang kepakaran dan impak sumbangan sepanjang hayat terhadap kesejahteraan hidup manusia dan menjana pertumbuhan sosioekonomi Negara (500 patah perkataan)

**(d) Ciri Peribadi: Elemen ISES dan Kepimpinan**

Rujukan kepada 3 orang rakan sebaya akan dibuat untuk pengesahan tentang keperibadian calon.

## 9.0 SYARAT DAN PERATURAN UMUM

- (i) Pemohon ATA terbuka kepada semua pensyarah UTM.
- (ii) Pemohon hendaklah merupakan pensyarah yang berkhidmat sepenuh masa sepanjang tahun atau sebahagian daripada tahun yang dinilai di UTM.
- (iii) Pemohon telah berkhidmat di UTM sekurang-kurangnya selama lima (5) tahun secara berterusan.
- (iv) Permohonan hendaklah menggunakan borang rasmi dan disertakan dengan maklumat bukti yang sah dan lengkap.
- (v) Anugerah tidak akan diberi sekiranya tiada calon yang layak pada tahun yang dinilai.

## 10.0 NILAI ANUGERAH

Nilai anugerah berupa wang tunai RM5,000.00, trofi, dan sijil.

## 11. JADUAL PELAKSANAAN ANUGERAH TOKOH AKADEMIK UTM 2023

BIL.	AKTIVITI	TARIKH	TINDAKAN
1.	Draf Iklan Web Citra Karisma	21 Feb-3 Mac 2024	PTNC(A&A) & BPO
2.	Proses Permohonan/Pencalonan & Perakuan peringkat fakulti	4 Mac – 15 Apr 2024	Calon/Fakulti
3.	Mesyuarat Penilaian Calon ATA 2023	14 Apr – 13 Mei 2024	JK Pemilih & PTNC(A&A)
4.	Penghantaran Maklumat Pemenang beserta <i>Write-up</i>	14 Mei – 19 Mei 2024	PTNC(A&A)
5.	Majlis Citra Karisma 2024	27 Ogos 2024	BPO

## 11. JAWATANKUASA PANEL PEMILIH

- Pengerusi : Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
 Panel : Prof. Emeritus Dato' Ir. Ts. Dr. Zainai bin Mohamed  
           : Prof. Dato' TPr. Dr. Ahmad Nazri bin Muhammad Ludin  
           : Prof. Ir. Ts. Dr. Zainuddin bin Abdul Manan  
           : Prof. Dr. Zulkurnain bin Abd Malek  
           : Prof. Dr. Mohd Hafiz Dzarfan bin Othman  
           : Prof. Dr. Farahwahida binti Mohd Yusof  
           : Prof. Dr. Nordin bin Yahaya  
           : Prof. Madya Ir. Dr. Hayati binti Abdullah  
           : Prof. Madya Ts. Dr. Noor Azurati binti Ahmad @ Salleh  
           : Prof. Madya Dr. Nurbiha binti A. Shukor  
           : Prof. Madya Dr. Johari Surif

Setiausaha : Pn. Sabrena binti Omar

Urusetia : Pn. Nur Syuhadah binti Rusni

**RINGKASAN KRITERIA PEMILIHAN DAN WAJARAN**

Bil	Komponen	Sub-Komponen	
		Elemen	Wajaran
1	<b>Kelayakan, Keahlian dan Kepakaran</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Kelayakan akademik</li> <li>b. Bidang kepakaran</li> <li>c. Keahlian dalam badan professional</li> <li>d. Keahlian dalam Jawatankuasa Profesional</li> <li>e. Ahli, Lembaga Penasihat/ Lembaga Pengarah di Peringkat Kebangsaan/ Antarabangsa</li> <li>f. Ijazah Kehormat</li> <li>g. Keahlian dalam persatuan/pertubuhan di peringkat kebangsaan atau antarabangsa</li> <li>h. Jemputan/undangan (bukan permohonan) untuk menganggotai mana-mana badan/ pertubuhan/persatuan kecemerlangan di peringkat kebangsaan atau antarabangsa.</li> </ul>	<b>10%</b>
2	<b>Kecemerlangan Fungsian Sebagai Ahli Akademik</b>	<p>Kecemerlangan fungsian merangkumi kesemua kategori berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Fungsi Pengajaran (<b>35%</b>)</li> <li>b. Fungsi Penyelidikan, Inovasi dan Perundingan (<b>30%</b>)</li> <li>c. Fungsi Perkhidmatan (<b>10%</b>)</li> <li>d. Fungsi Pengurusan dan Pentadbiran (<b>15%</b>)</li> </ul>	<b>90%</b>
<b>JUMLAH</b>			<b>100%</b>
3	<b>Sumbangan dan Impak</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Perihalkan kesohoran anda dalam bidang kepakaran dan impak sumbangan sepanjang hayat terhadap kesejahteraan hidup manusia dan menjana pertumbuhan</li> </ul>	Panel pemilih akan membuat penilaian bagi calon yang telah melepassi

**CITRA KARISMA 2024**  
*Majlis Anugerah Kecemerlangan dan Penghargaan UTM*

Bil	Komponen	Sub-Komponen	
		Elemen	Wajaran
		sosioekonomi negara (500 patah perkataan)	markah <i>threshold.</i>
<b>4</b>	<b>Ciri Peribadi</b>	1. Elemen ISES 2. Kepimpinan	